



KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA

BERKENAAN:

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2019
PENGAUDITAN PEMATUHAN KEMENTERIAN
DAN JABATAN PERSEKUTUAN**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2019 SIRI 1
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN**

1. Jabatan Audit Negara ingin memaklumkan bahawa Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2019 telah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada jam 10.00 pagi 24 Ogos 2020, setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Laporan ini terdiri daripada:
 - i. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan; dan
 - ii. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 1 Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan
2. Pada hari pembentangan LKAN, Jabatan Audit Negara akan memberi taklimat sidang media berhubung dengan isu-isu utama yang dibangkitkan dalam kedua-dua laporan tersebut.

3. LKAN pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

3.1. Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan

- (a) Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan merupakan pendekatan baharu yang merangkumi penyata kewangan dan pengurusan kewangan selaras dengan *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) 4000 dan 4100. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K iaitu mengenal pasti elemen Pembaziran, Pemborosan, Penyelewengan dan Ketirisan wang awam.
- (b) Pada tahun 2019, sebanyak 6 tajuk pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap 3 kementerian dan 7 jabatan yang merangkumi perolehan kontrak dan sebut harga di Kementerian Pertahanan, Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Laut Malaysia dan Politeknik; bayaran perkhidmatan penyenggaraan di Tentera Udara Diraja Malaysia dan Polis Diraja Malaysia; pematuhan terhadap prosedur kehilangan wang awam dan aset alih di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Kementerian Pendidikan Malaysia; pembayaran balik cukai di Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Lembaga Hasil Dalam Negeri; dan taksiran duti import alkohol di Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

3.2. Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan

- (a) Pengauditan bagi pengurusan syarikat Kerajaan dijalankan selaras dengan Seksyen 5(1)(d), Akta Audit 1957. Pengauditan merangkumi 3 aspek iaitu tadbir urus korporat, pengurusan aktiviti dan analisis kedudukan kewangan syarikat.
 - (b) Bagi LKAN Tahun 2019 Siri 1 ini, sebanyak 9 pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan telah dilaksanakan di peringkat Kerajaan Persekutuan. Syarikat-syarikat yang diaudit adalah TH Hotel & Residence Sdn. Bhd., Amanah Raya Berhad, Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad, Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd., UDA Holdings Berhad, CIDB E-Construct Services Sdn. Bhd., Talent Corporation Malaysia Berhad, Malaysian Industry-Government Group For High Technology dan National Institutes Of Biotechnology Malaysia.
4. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan 23 syor terhadap pengauditan pematuhan kementerian dan jabatan Persekutuan. Selain itu, Jabatan Audit Negara juga mengemukakan 50 syor terhadap pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.
5. LKAN Tahun 2019 ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara selepas pembentangannya di Dewan Rakyat. Orang awam boleh

melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 24 Ogos 2020 selepas jam 10.00 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada [Warkah Untuk Ketua Audit Negara](#). Cakera padat (CD) yang mengandungi laporan-laporan tersebut akan turut diedarkan kepada pihak media pada hari pembentangan di Dewan Serbaguna, Aras 1, Blok F3, Kompleks F, Jabatan Audit Negara, Putrajaya.

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
24 Ogos 2020